

## Liga Super: Sri Pahang waspada ancaman Perak FC

Oleh ASZAHARI ALI | 29 Julai 2023, 4:35 pm



Fandi Ahmad (dua dari kiri) berjaya membantu Sri Pahang menghuni tangga keempat Liga Super ketika ini. - Foto ihsan Facebook Sri Pahang

KUANTAN – Tempoh dua minggu sudah memadai Sri Pahang kembali bangkit berdepan Perak FC di Stadium Darul Makmur malam esok.

Ketua jurulatih skuad Tok Gajah, Fandi Ahmad yakin tempoh itu cukup untuk membentuk semula gandingan pemain baharu dan lama untuk lebih menyengat.

“Saya perlu menyusun semula persefahaman dan kombinasi antara pemain terutama dengan corak permainan yang dipamerkan pemain baharu,” katanya.

Sri Pahang menggunakan khidmat pemain import baharu, Rafael Silva dan Kovondik Ruziew tetapi tewas dengan pasukan Sabah FC di awal kemunculan mereka.

Kini, Fandi yakin dua pemain import itu sudah dapat menyesuaikan diri dengan corak permainan Mohd Azam Azih atau Kpah Sherman untuk membentuk jentera tengah dan serangan yang lebih padu dan berbisa.

“Insyallah, dari apa yang saya lihat pemain agak lebih cergas dan gairah menanti perlawanan ini.

“Malah Kpah dan pemain lain sudah mulai selesa dan dari segi physical nampak lebih baik dari minggu yang lalu,” katanya.

Cuma, seperti Fandi katakan sama ada pemain yang lain dapat bermain hanya akan ditentukan pada hari latihan terakhir hari ini kerana terdapat pemain yang di serang demam ringan.

Tidak memandang mudah dengan cabaran Perak FC, kekuatan dan kelebihan yang dimiliki lawan di akui Fandi kerana Perak juga sedang meningkat dengan tambahan pemain baru.

“Saya harap Sri Pahang mendapat tiga mata di hadapan penyokong sendiri dengan pemain harus fokus dan positif, lupakan game di Sabah dan harus punya motivasi individu dan team,” katanya.

Fandi meminta anak buahnya memberi tumpuan kepada semua pemain lawan kerana jika di beri ruang pasti akan lebih merbahaya dan itu sebab Sri Pahang harus lebih waspada. – KOSMO! ONLINE